

Prospek Penggunaan Dinar Emas Sebagai Mata Wang: Analisis Berdasarkan Teori Monetari

(Prospects of Gold Dinar as a Currency: An Analysis Based on Monetary Theory)

Salmy Edawati Yaacob
(Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia)
Sanep Ahmad
(Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia)

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis prospek penggunaan dinar emas sebagai mata wang berdasarkan kesesuaiannya dengan ekonomi semasa iaitu sama ada dalam bentuk fizikal yang dikenali sebagai sistem Fizikal Dinar Emas (FDE) atau sandaran nilai melalui sistem Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE). Isu kajian ini dianalisis berdasarkan penilaian empat teori monetari iaitu teori mata wang, teori penawaran dan permintaan wang, teori Hukum Gresham “wang buruk mengusir wang baik” dan teori wilayah mata wang optimum (optimum currency area, OCA). Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan fizikal dinar emas sebagai mata wang adalah tidak praktikal dalam ekonomi semasa kerana bercanggah dengan hampir kesemua teori monetari. Manakala, penggunaan dinar emas sebagai sandaran nilai pula lebih sesuai kerana ia memenuhi hampir kesemua teori monetari iaitu teori mata wang, teori Hukum Gresham dan teori OCA. Justeru, kajian ini menyarankan bahawa prospek dinar emas untuk dilaksanakan dalam ekonomi semasa adalah lebih baik jika ia berfungsi dalam bentuk sandaran nilai berbanding dengan fizikal dinar emas.

ABSTRACT

This study analyses the prospect of gold dinar to be adopted as a currency based on its suitability with the current economy, that is either in the form of physical gold dinar (gold coins) (FDE) or gold-backed currency (SDE). The issue raised in this study is analysed based on the assessment of four monetary theories, namely currency theory, money supply and demand theory, Gresham's law of “bad money drives out good money”, and theory of optimal currency area (OCA). The results show that the use of physical gold dinar as a currency is not practical for the current economy because it contradicts with most of the monetary theories. Meanwhile, the adoption of gold-backed currency is more practical because it is consistent with most monetary theories in particular the currency theory, the theory of Gresham's law and the OCA theory. Thus, this study suggests that the prospect of gold dinar as a currency for the current economy is better if it is to be implemented in the form of gold-backed currency rather than the physical gold dinar.

Kata kunci: Fizikal Dinar Emas (FDE); Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE); Teori Penawaran dan Permintaan Wang; Teori Hukum Gresham; Wilayah Mata Wang Optimum; Teori Monetari

PENGENALAN

Usaha mengembalikan semula penggunaan dinar emas secara tidak langsung telah dimulai dengan Pertubuhan Islam Murabitun di bawah pimpinan ‘Abd al-Qadir al-Murabit. Seterusnya, usaha ini telah mendapat perhatian Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada tahun 2001 (Mohd Dali, Abdul Hamid & al-Razi 2004). Beberapa usaha ke arah pelaksanaan dinar emas seperti membentuk satu mekanisme perdagangan antarabangsa pelbagai hala (MPA) atau dua hala (BPA) yang menggunakan dinar emas telah dicadangkan sewaktu era pemerintahan beliau. Beliau telah mencadangkan mekanisme tersebut dalam Persidangan Negara-negara Islam Sedunia (*Organisation Islamic Council*, OIC) pada tahun 2003. Usaha dan idea berkaitan dinar emas mendapat reaksi positif dari empat buah negara OIC iaitu

Malaysia, Iran Bahrain dan Sudan. Namun, mekanisme tersebut dianggap gagal apabila sesetengah negara OIC menyuarakan kurang yakin dan tidak percaya dengan dinar emas. Tambahan pula pada masa itu terdapat masalah ketidakstabilan politik dan ekonomi di beberapa buah negara OIC (Yaacob 2011).

Walau bagaimanapun, cetusan idea Tun Dr. Mahathir ini telah memberi kesan yang positif kepada kerajaan dan segelintir masyarakat Malaysia. Kesedaran tentang dinar emas ini telah menghasilkan pelbagai usaha yang menjurus kepada urusan perdagangan dan penggunaan dinar emas di Malaysia. Sehingga ke hari ini, Malaysia telah memiliki lima buah agensi penempaan dinar emas iaitu Islamic Mint (*Islamic Gold Dinar*), Royal Mint (Dinar Emas Royal Mint), Kelantan Golden Trade (Dinar Emas Kelantan), Public Gold Fine Sdn Bhd (Dinar Public) dan yang terkini Kerajaan Negeri Kedah (Dinar Emas Mu‘azam

Shah). Kualiti emas, berat dan saiz dinar adalah mengikut piawaian ‘Umar al-Khattab sepertimana dinar emas pertama yang dikeluarkan oleh Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwan iaitu dengan menggunakan emas jenis 917 dengan 24 karat dan berat 4.25 gram. Semua dinar yang ditempa di Malaysia adalah mengikut piawaian yang sama. Ukiran di atas permukaan syiling adalah ciri yang membezakan antara dinar-dinar tersebut (Yaacob et al. 2012).

Rentetan daripada usaha tersebut juga telah mewujudkan beberapa kumpulan aktivis dinar emas di Malaysia. Golongan aktivis ini dapat dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan Murabitun, organisasi bukan kerajaan (*non-government organisation*, NGO) dan ahli akademik. Kumpulan Murabitun merupakan aktivis dinar emas terawal di Malaysia. Agenda kumpulan ini adalah untuk memartabatkan penggunaan dinar emas sebagai mata wang, dan bersandar kepada hujah dalam kitab al-Muwatta’ yang disusun oleh Imam Malik bin Anas dan menjadi pegangan ahli mazhab Maliki. Manakala golongan NGO pula mempunyai visi untuk mempertahankan berat dinar yang digunakan pada zaman Nabi Muhammad SAW iaitu 4.50 gram, sekali gus mempertikaikan nisab zakat emas pada masa ini (Hussain 2009). Manakala golongan akademik pula muncul untuk mengkaji kesesuaian penggunaan semula emas dalam sistem ekonomi semasa. Golongan akademik dilihat lebih liberal apabila setiap isu yang dikupas adalah berdasarkan data, bukti sejarah dan melalui kajian empirikal (Yaacob, Ahmad & Wan Zabaria 2012).

Sehingga hari ini sudah terdapat beberapa model pelaksanaan dinar emas sebagai mata wang yang telah diutarakan oleh beberapa orang pengkaji seperti Hosein (2008), Hussain (2009), Mohd Dali, Abdul Hamid dan al-Razi (2004), Mydin Meera (2002, 2003), Vadillo (2002) dan Yakcop (2002). Namun, penggunaan dinar emas sebagai mata wang masih lagi belum dapat dilaksanakan secara rasmi kerana terdapat pelbagai kekangan sama ada dari segi perundangan, politik dan juga ketiadaan satu mekanisme yang jelas dalam membentuk penggunaan dinar emas sebagai mata wang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai dan menganalisis prospek penggunaan dinar emas untuk digunakan kembali sebagai mata wang mengikut kesesuaiannya diaplikasikan dalam ekonomi semasa berdasarkan penilaian teori monetari. Penilaian teori monetari ini dilakukan ke atas penggunaan sistem sandaran emas (SDE) dan sistem fizikal emas (FDE). Kesesuaian SDE atau FDE ini dinilai berdasarkan kepada empat teori monetari iaitu teori mata wang (konsep dan fungsi mata wang), teori penawaran dan permintaan wang, teori Hukum *Gresham* “wang buruk mengusir wang baik” dan teori wilayah mata wang optimum (OCA).

KAJIAN LEPAS

DINAR EMAS SEBAGAI MATA WANG FIZIKAL

Kajian paling awal mengenai penggunaan fizikal dinar emas telah dilakukan oleh al-Maqrizi (1957) pada zaman

kerajaan Mamluk. Manakala, selepas itu terdapat beberapa kajian lain yang telah dilakukan, antaranya oleh Mohd Dali, Abdul Hamid dan al-Razi (2004), Hosein (2008), Hussain dan Abu Bakar (2004), Ismail (2003), Mydin Meera (2002), dan Vadillo (2002).

Idea dan cadangan untuk mengembalikan penggunaan dinar emas dalam sistem mata wang bukanlah satu perkara baru kerana al-Maqrizi (1957) dengan jelas menyentuh mata wang umat Islam adalah daripada emas dan perak. Beliau yang pernah hidup di zaman Mamluk menyaksikan dengan jelas permasalahan dalam sistem monetari apabila negaranya dilanda inflasi yang teruk akibat percetakan tembaga secara berleluasa sebagai mata wang pecah (*fulus*). Beliau menegaskan bahawa inflasi boleh dielakkan sekiranya penggunaan dinar emas fizikal sebagai mata wang. Sebaliknya, penggunaan tembaga mendedahkan ekonomi kepada inflasi kerana tembaga mudah dicipta dan dihasilkan dengan cara yang berbeza dari mata wang emas dan perak. Justeru, beliau telah menggariskan tiga perkara utama yang perlu dibangunkan bagi mencapai kestabilan sistem monetari dan ekonomi dalam sesebuah negara. Tiga perkara tersebut adalah (1) menggunakan emas dan perak sebagai mata wang, (2) mengelakkan pengurangan nilai (*devaluation*) dalam mata wang dan menghadkan pencetakan *fulus* (wang pecah).

Selain itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri Malaysia juga telah mencadangkan penggunaan semula dinar emas pada tahun 2000. Ini kerana, sistem monetari dunia semasa gagal menangkis serangan spekulator mata wang sehingga mengakibatkan mata wang di kebanyakan negara termasuk Malaysia jatuh mendadak pada tahun 1998 (Anon. 2002b). Oleh itu, Mohamad (2000) berpendapat dinar emas merupakan satu mekanisme yang penting untuk membantu negara-negara kecil daripada ketidakstabilan dan ketidakadilan dalam sistem ekonomi global. Cadangan Tun Dr. Mahathir hanya menjurus kepada penggunaan dinar emas dalam perdagangan antarabangsa sahaja. Penggunaan dinar emas tersebut adalah lebih kepada nilai dagangan eksport dan import bukan sebagai mata wang (Anon. 2002a). Cetusan idea dan cadangan Tun Dr. Mahathir itu menjadi titik mula gerakan ke arah penggunaan semula dinar emas. Vadillo (2002) menganggap usaha ini sebagai petunjuk positif bagi Malaysia dalam melaksanakan dinar emas. Vadillo (2002) menggariskan empat perkara asas yang perlu dibangunkan bagi menjayakan pelaksanaan dinar emas sebagai mata wang. Empat perkara tersebut adalah; mengeluarkan dan menempa dinar emas dan dirham perak, kebebasan dalam menjual, membeli melalui pantauan undang-undang Islam, kemudahan pengangkutan dan perpindahan emas (antarabangsa) dan menukarkan semua wang kertas dengan mata wang dinar dan dirham.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Ismail (2003) terhadap mekanisme penggunaan dinar emas pula menetapkan tiga perkara asas yang perlu diwujudkan. Tiga perkara tersebut adalah mewujudkan mata wang dinar dan dirham, menubuhkan pasar Islam, dan membentuk sistem pelaburan Islam. Beliau juga mencadangkan supaya

dinar emas dan dirham perak dilaksanakan bersama-sama dengan sistem mata wang sedia ada. Sekiranya ketiga-tiga komponen asas ini dapat diwujudkan barulah penggunaan dinar emas sebagai mata wang dapat dilaksanakan. Kajian ini juga memperlihatkan beberapa kepincangan apabila mencadangkan penggunaan dinar dan dirham serentak dengan penggunaan wang kertas. Sekiranya keadaan sebegini wujud, maka akan berlaku fenomena yang dijelaskan dalam teori hukum *Gresham* sebagai 'wang buruk mengusir keluar wang baik'. Dengan lain perkataan, sekiranya hukum *Gresham* berlaku, nescaya penggunaan dinar emas sebagai mata wang akan gagal.

Seterusnya dalam tahun 2003, terdapat satu model penggunaan dinar emas sebagai transaksi domestik yang telah dihasilkan oleh Mydin Meera (2003). Model ini adalah lanjutan daripada penggunaan e-dinar yang diperkenalkan oleh Vadillo (2002). Mydin Meera (2003) mencadangkan agar penggunaan lebih meluas kepada pusat zakat, Tabung Haji, Amanah Saham Dinar Emas dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sekiranya badan-badan ini dapat menerima transaksi menggunakan e-dinar sebagaimana penggunaan perbankan internet maka tidak mustahil model ini dapat dibangunkan dengan jayanya dan hampir semua masyarakat Malaysia akan merasai keistimewaan nilai mata wang yang mempunyai sokongan emas. Transaksi maya ini dicadangkan kerana kekangan undang-undang monetari yang tidak mengizinkan emas dan perak dijadikan mata wang. Walau bagaimanapun, model ini hanya menjurus kepada penggunaan domestik semata-mata dan bukan secara global.

Manakala, Hosein (2008) pula mencadangkan penggunaan dinar emas dan dirham perak dalam pasaran mikro yang terletak di luar kawasan bandar. Penggunaannya secara persendirian, dalam urus niaga harian yang tidak melibatkan institusi perbankan. Selain itu, terdapat beberapa kajian lain yang dilihat sehaluan dengan pandangan Hosein (2008). Kajian-kajian tersebut adalah daripada Mohamad (2009) dan Saidi (2005). Mereka berpendapat penggunaan dinar dan dirham akan menjadi realiti sekiranya masyarakat semakin sedar tentang kelebihan mata wang tersebut. Saidi (2005) menyatakan bahawa di Indonesia sudah terdapat beberapa tempat yang menggunakan dinar dan dirham dalam urus niaga harian seperti di kedai-kedai buku dan pakaian. Oleh yang demikian, di Indonesia sudah terdapat pelbagai wakalah atau syarikat yang mengeluarkan dan mengedar dinar dan dirham seperti Wakala Syaiki, Wakala Adina, Wakala Griya Dinar, Wakala IMN, Wakala Ribat Jakarta, Wakala al-Kautsar MUI Depok, GeraiDinar dan banyak lagi.

Kajian terkini yang dilakukan oleh Alias (2010) terhadap penggunaan dinar emas sebagai mata wang telah mengenal pasti beberapa tempat di Malaysia yang menerima dinar dan dirham dalam transaksi harian. Antara tempat yang menerima mata wang tersebut adalah Pasar Besar Siti Khadijah di bandar Kota Bharu Kelantan, Kedai Emas W.N Haji Wan Ahmad di Shah Alam Selangor, Restoran dan Cafe Nasi Kukus House di

Bangi Selangor dan Klinik Pergigian Dr. Rosni Adam di Cheras Selangor.

Kajian-kajian ini membuktikan bahawa penggunaan fizikal dinar emas telah diterima pakai dan diamalkan oleh segelintir masyarakat. Segelintir masyarakat ini telah mengamalkan penggunaan dinar emas dalam kelompok yang kecil atau dalam kumpulan atau komuniti tertentu. Timbul persoalan di sini, sekiranya penggunaan dinar emas sudah bertahan dalam tempoh yang agak lama, mengapakah sistem dinar emas masih tidak dapat berkembang atau diterima dalam masyarakat yang lebih luas atau dalam ekonomi yang lebih global? Apakah kelemahan dinar emas fizikal sebagai mata wang sehingga tidak dapat diterima umum?

DINAR EMAS SEBAGAI SANDARAN NILAI

Kajian lepas berkaitan penggunaan dinar emas sebagai sandaran nilai telah dilakukan oleh beberapa pengkaji, antaranya adalah Ahmad (2009), Dahinden (2008), Hussain dan Abd. Rahman (2004) dan Mydin Meera (2002). Ahmad (2009) berpandangan bahawa dinar emas perlu dijadikan sandaran kepada mata wang yang digunakan pada hari ini. Kaedah ini lebih praktikal dan infra pembentukannya adalah lebih mudah untuk dibangunkan berbanding penggunaan fizikal dinar emas. Ahmad (2009) juga mengetengahkan teori OCA sebagai satu teori asas yang diperlukan bagi mengenal pasti negara-negara yang sesuai untuk mengamalkan sistem dinar emas. Selain itu, menurut Dahinden (2008) bermula tahun 2001 sehingga kini sudah terdapat penggunaan dinar emas secara atas talian yang dikenali sebagai sistem e-dinar. E-dinar ialah satu sistem pembayaran dan pertukaran elektronik menerusi internet. E-dinar beroperasi dalam e-dagang yang mana urusan jual beli atas talian dilakukan dalam nilai emas dan perak. Istimewanya sistem e-dinar kerana ia disokong oleh seratus peratus emas dan perak fizikal. Unit yang digunakan adalah e-dinar dan e-dirham. Fizikal emas dan perak yang menyokong unit-unit e-dinar dan e-dirham ini akan sentiasa sama nilai atau lebih daripada unit-unit e-dinar dan e-dirham dalam edaran. Setiap unit elektronik e-dinar bersamaan dengan berat tepat dan tetap 4.25 gram emas tulen 24 karat.

Mydin Meera (2002) menganggap inovasi baru penggunaan dinar emas ini adalah untuk mengelakkan pegangan emas di merata tempat, dan sekali gus untuk kemudahan dan keselamatan pengguna. Namun, penggunaan sistem e-dinar masih juga mempunyai beberapa kelemahan apabila sistem ini hanya beroperasi secara atas talian. Justeru, transaksi jual beli dengan dinar emas adalah melalui internet dan hanya syarikat atau kedai yang berdaftar dalam e-dinar sahaja yang terlibat dalam transaksi ini. Oleh itu, pelanggan tidak mempunyai banyak pilihan dalam mendapatkan barangan keperluan harian.

Selain itu, terdapat juga cadangan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad supaya dinar emas digunakan dalam perdagangan antarabangsa melalui sistem pembayaran dua hala (*bilateral payment arrangement*, atau ringkasnya

BPA) dan pelbagai hala (*multiple payment arrangement*, atau ringkasnya MPA) (Mohd Dali, Abdul Hamid & al-Razi 2004). Sebelum ini Malaysia telah menandatangani perjanjian BPA dengan 24 buah negara dan berhasrat dapat menggunakan konsep dinar emas dengan kesemua negara tersebut. Penggunaan dinar emas dalam BPA melibatkan perdagangan antara dua negara, dan terdapat tiga buah negara yang berminat dan bersetuju untuk berdagang dengan Malaysia melalui penggunaan dinar emas iaitu Iran, Bahrain dan Sudan (Anon. 2002a). Mydin Meera (2002) menyokong kaedah ini dan menganggapnya sebagai satu sistem yang adil kerana lebih nilai dagangan dinilai dengan harga semasa emas yang lebih stabil berbanding wang *fiat* dan ini tidak akan merugikan mana-mana negara. Mohd Dali, Abdul Hamid dan al-Razi (2004) dan Mohd Yusof et al. (2002) juga bersetuju kerana sistem tersebut akan menjadi satu alternatif untuk menghapuskan kebergantungan kepada dolar AS dalam perdagangan antarabangsa dan ini akan memberi kelebihan kepada negara-negara kecil. Semua negara boleh menyertai sistem ini walaupun tidak mempunyai simpanan dinar yang banyak (Mydin Meera 2002).

Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat dua pendekatan pelaksanaan dinar emas iaitu penggunaan dalam bentuk fizikal mata wang dan menjadikan sandaran nilai kepada mata wang. Kedua-dua bentuk pendekatan ini mempunyai pro dan kontra yang masing-masing diperjuangkan oleh aktivis-aktivis dinar emas di Malaysia. Justeru, satu analisis perlu dilakukan bagi mengenal pasti prospek penggunaan dinar emas sebagai mata wang

yang bersesuaian dengan ekonomi semasa. Fizikal atau sandaran?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis teori monetari ke atas sistem penggunaan fizikal dinar emas (FDE) dan sistem sandaran nilai dinar emas (SDE). Analisis teori monetari ke atas sistem FDE dan SDE perlu dilakukan bagi melihat sejauh mana kemampuan pelaksanaan sistem tersebut dalam ekonomi semasa. Empat teori monetari yang berkaitan dengan pelaksanaan sistem mata wang telah dipilih sebagai landasan penilaian. Teori-teori tersebut adalah teori mata wang, teori permintaan dan penawaran wang, teori Hukum Gresham dan teori OCA.

TEORI MATA WANG

Teori mata wang boleh digunakan untuk menganalisis kesesuaian suatu mekanisme yang dicadangkan sebagai mata wang berdasarkan kemampuannya memenuhi prinsip dan ciri-ciri mata wang. Analisis berdasarkan prinsip mata wang (Jadual 1) menunjukkan bahawa sistem SDE dan FDE memenuhi kesemua fungsi asas mata wang iaitu sebagai pengantara pertukaran, pengukur nilai, penyimpan nilai dan alat bayaran tertunda. Walau bagaimanapun, fungsinya sebagai penyimpan nilai yang baik adalah lebih terjamin bagi bentuk mata wang fizikal (FDE) kerana mempunyai nilai intrinsik.

JADUAL 1. Prinsip mata wang dalam sistem FDE dan SDE

Prinsip	Fizikal Dinar Emas (FDE)	Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE)
Pengantara Pertukaran	Berfungsi dengan baik	Berfungsi dengan baik
Pengukur Nilai	Berfungsi dengan baik	Berfungsi dengan baik
Penyimpan Nilai	Penyimpan nilai yang paling baik kerana mempunyai nilai intrinsik	Berfungsi dengan baik kerana mempunyai nilai sandaran
Alat Bayaran Tertunda	Berfungsi dengan baik kerana nilai emas adalah stabil	Berfungsi dengan baik

Analisis kesesuaian dinar emas berasaskan ciri-ciri mata wang dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa mata wang dalam sistem SDE memenuhi kesemua ciri mata wang kecuali ciri ketahanan kerana mata wang SDE berasaskan kertas. Walau bagaimanapun, bagi sistem FDE pula terdapat tiga ciri mata wang yang tidak dapat dipenuhi iaitu ciri penerimaan umum, unit pecahan dan kesukaran untuk dibawa dalam kuantiti yang banyak.

TEORI PERMINTAAN DAN PENAWARAN WANG

Teori permintaan dan penawaran wang adalah penting bagi menjamin perkembangan ekonomi yang positif. Jumlah permintaan dan penawaran wang perlu seimbang bagi menjamin kestabilan nilai mata wang. Teori ini menentukan jumlah wang yang perlu ada di pasaran

berdasarkan permintaan semasa. Justeru, kajian ini berpendapat bahawa faktor-faktor yang menyumbang kepada permintaan dan penawaran wang adalah penting untuk dikenal pasti dalam sesebuah ekonomi. Osman et al. (1992) juga berpendapat bahawa teori permintaan dan penawaran ini dapat membantu untuk menilai kesesuaian semasa penggunaan sesebuah mekanisme mata wang. Jadual 3 menyenaraikan hasil analisis kajian ini yang penjelasannya dibuat secara berasingan untuk FDE dan seterusnya SDE.

Sistem Fizikal Dinar Emas (FDE) Berdasarkan teori ini, permintaan terhadap wang bergantung kepada tiga motif utama iaitu keperluan untuk urus niaga (pertukaran), awasan dan spekulasi. Walau bagaimanapun, dalam bentuk FDE lebih banyak faktor yang mempengaruhi permintaan terhadap emas kerana emas mempunyai dua fungsi iaitu

JADUAL 2. Ciri-ciri mata wang bagi sistem FDE dan SDE

Ciri	Fizikal Dinar Emas (FDE)	Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE)
Diterima Umum	<ul style="list-style-type: none"> ● Segelintir sahaja masyarakat yang menerima dinar emas sebagai mata wang. ● Sebahagian masyarakat Kelantan (Malaysia), penduduk Indonesia, Corodova, Norwich (UK), Golongan Murabitun di Cape Town (Afrika Selatan) sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Wang kertas yang telah lama beredar di pasaran sememangnya telah diterima oleh masyarakat seluruh dunia sebagai mata wang. ● Kepercayaan dan keyakinan terhadap wang kertas akan bertambah dengan adanya sandaran komoditi berharga seperti dinar emas.
Kuantiti Terhad	<ul style="list-style-type: none"> ● Simpanan logam emas dan perak adalah terhad ● Nilai menjadi tinggi 	<ul style="list-style-type: none"> ● Percetakan wang kertas adalah terhad apabila di-sandarkan kepada peratusan tertentu nilai dinar emas.
Mudah dikenali	<ul style="list-style-type: none"> ● Mudah dikenali dalam apa jua bentuk. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Dikenali dengan pengiktirafan kerajaan.
Mudah dipecahkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Hanya terdapat dalam pecahan unit yang besar iaitu; ¼ dinar, ½ dinar, 1 dinar, 2 dinar, 5 dinar, 8 dinar. ● -Dirham; 1 dirham, 5 dirham, 10 dirham. Tidak sesuai untuk barangan atau perkhidmatan yang murah. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai pelbagai dominasi pecahan unit mata wang. ● Sesuai untuk semua jenis barangan dan perkhidmatan sama ada bernilai tinggi atau murah.
Keseragaman	<ul style="list-style-type: none"> ● Setara dari segi berat, jenis dan mutu emas. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Nilai yang selaras antara negara
Mudah dibawa	<ul style="list-style-type: none"> ● Sukar dibawa dalam kuantiti yang banyak; berat dan tidak selamat 	<ul style="list-style-type: none"> ● Mudah dibawa dan disimpan
Ketahanan	<ul style="list-style-type: none"> ● Tahan lama dan kebal ● Tidak mudah rosak, tidak berkarat, tidak mudah luntur 	<ul style="list-style-type: none"> ● Boleh koyak, terbakar dan hancur
Stabil	<ul style="list-style-type: none"> ● Mempunyai nilai intrinsik ● Nilai yang sentiasa stabil 	<ul style="list-style-type: none"> ● Stabil kerana mempunyai sandaran nilai dinar emas

sebagai mata wang dan komoditi. Sebagai komoditi, emas mempunyai permintaan yang tinggi sebelum ini (sejak dari awal tamadun manusia) kerana ia telah lama menjadi barang perhiasan, sebagai aset dalam pelaburan, cenderamata, dan digunakan dalam pendawaian elektrik. Manakala dalam dunia moden ini pula emas telah digunakan dalam bidang nanoteknologi, bioteknologi dan dalam *catalysis*. Ini menggambarkan bahawa permintaan terhadap emas

adalah sentiasa tinggi kerana emas mempunyai pelbagai fungsi. Manakala, asas penawaran mata wang dalam sistem FDE adalah dinar emas dan dirham perak. Penciptaan dinar emas adalah berdasarkan rizab emas dan perlombongan emas. Permintaan terhadap emas adalah besar sedangkan penawaran ke atas emas amat terhad. Justeru, permintaan dan penawaran wang perlu seimbang bagi menjamin kestabilan nilai mata wang.

JADUAL 3. Teori permintaan dan penawaran wang dalam sistem FDE dan SDE

Sistem FDE	Sistem SDE
<ul style="list-style-type: none"> ● Faktor penentuan kepada permintaan emas adalah tinggi kerana emas mempunyai dua fungsi iaitu sebagai mata wang dan komoditi. ● Penciptaan dinar emas adalah berdasarkan rizab dan perlombongan emas. Permintaan kepada emas adalah besar sedangkan penawaran ke atas emas amat terhad. 	<ul style="list-style-type: none"> ● Apabila wang kertas mempunyai sandaran nilai dinar emas, nilai wang kertas akan bergantung pada penawaran logam emas. ● Permintaan kepada emas juga boleh meningkat kerana percetakan wang kertas perlu didasari dengan emas.

Sistem Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE) Teori permintaan dan penawaran emas dalam sistem SDE akan berlangsung secara semula jadi tanpa campur tangan kerajaan. Walau bagaimanapun, akibat daripada permintaan yang tinggi terhadap emas (yakni untuk kegunaan mata wang dan komoditi) dan penawaran emas yang terhad akan mewujudkan satu masalah iaitu kekurangan mata wang yang akan berlaku setiap masa. Kesannya, berlaku kemerosotan perbelanjaan yang akan menjejaskan keluaran. Rentetan dari itu, akan berlaku

kekurangan dalam tingkat guna tenaga seterusnya kemakmuran sesebuah ekonomi akan turut terjejas. Apabila wang kertas mempunyai sandaran nilai dinar emas maka, nilai wang kertas akan bergantung pada penawaran logam emas. Penawaran wang amat bergantung pada perubahan penawaran logam emas dan permintaan untuk kegunaan lain. Kenaikan nilai penggunaan logam untuk kegunaan lain jika dibandingkan dengan nilai mata wangnya akan menyebabkan penawaran wang dalam ekonomi merosot.

HUKUM GRESHAM

Hukum *Gresham* dikenali dengan teori mengenai 'wang buruk mengusir keluar wang baik' (*bad money drive out good money*). *Bad money* bermaksud wang yang tidak mempunyai nilai intrinsik, yang mana nilai muka mata wang adalah lebih rendah atau tidak menyamai nilai sebenar. Wang ini wujud dalam edaran bersama mata wang lain yang mempunyai nilai intrinsik yang lebih tinggi sedangkan dari sudut perundangan ia diterima dan dianggap sebagai setara. Ia dikatakan buruk kerana ia tidak mempunyai nilai kandungan dan sekiranya ia kehilangan nilai mukanya mengikut perundangan (*legal-tender laws*) maka wang tersebut tidak dapat ditukar dengan apa-apa nilai. Wang *fiat* moden secara umumnya adalah *bad money* kerana wang *fiat* telah menggantikan wang komoditi dan tidak mempunyai apa-apa nilai kandung untuk ditukar nilai.

Selain (1996) menjelaskan *good money* adalah wang yang mempunyai nilai intrinsik sebagai satu komoditi. Wang sebegini menjadi *good money* atau wang baik kerana sekiranya ia kehilangan nilai mukanya mengikut perundangan (*legal-tender law*) maka wang tersebut akan

masih dapat ditukar dengan nilai sebenar kandungan logamnya. Dengan kata lain, wang baik akan dapat ditebus dengan nilai intrinsik logam walaupun nilai mukanya turun atau sudah tidak bernilai (melalui perundangan). Ia biasanya digunakan dalam mana-mana situasi yang mana pihak kerajaan cuba untuk mengedarkan mata wang baru secara progresif dengan menggabungkan dengan wang yang lama. Menurut Hukum *Gresham*, sekiranya dalam suatu ekonomi ada dalam edaran kedua-dua *good money* dan *bad money*, maka *bad money* akan mengusir keluar *good money* disebabkan *bad money* yang terdiri daripada *bad coin* yang mengandungi kurang bulion daripada syiling lain yang memegang dinominasi yang sama. Ini kerana manusia akan lebih cenderung untuk membelanjakan, menyerahkan dan melepaskan wang dari jenis *bad money* daripada *good money*. Manakala *good money* pula akan disimpan dan hasilnya *bad money* akan kekal dalam edaran manakala *good money* pula akan terkeluar dari edaran.

Sistem Fizikal Dinar Emas (FDE) Apabila dinar emas diaplikasikan dalam bentuk FDE, Hukum *Gresham* boleh berlaku dalam dua keadaan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Ringkasan analisis teori Hukum Gresham terhadap FDE dan SDE

Sistem	Fizikal Dinar Emas (FDE)	Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE)
<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan serentak dinar dan wang kertas • Penggunaan dwi logam emas dan perak 	<ul style="list-style-type: none"> • Kecenderungan masyarakat untuk menyimpan dinar emas lebih tinggi dan menggunakan wang kertas sebagai mata wang. • Emas lebih bernilai dari perak dan terdapat nisbah pertukaran yang tidak rasmi sebagai komoditi dan mata wang. 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak berlaku • Tidak berlaku

1. Hukum Gresham boleh berlaku apabila dinar emas digunakan secara serentak dengan wang kertas. Dalam keadaan ini, dinar emas merupakan '*good money*' kerana mempunyai nilai intrinsik manakala wang kertas adalah '*bad money*' kerana tiada sandaran komoditi bernilai. Dinar emas mempunyai nilai yang stabil disebabkan penawarannya terhad dan harga emas akan semakin meningkat. Berbeza dengan wang *fiat* yang akan sentiasa mengalami penyusutan nilai berdasarkan peratusan inflasi tahunan. Justeru, orang ramai akan memegang dan menyimpan dinar emas sebagai aset (pelaburan) masa depan dan menggunakan wang kertas sebagai mata wang beredar. Lama-kelamaan dinar emas akan terusir keluar daripada pasaran kerana tidak digunakan sebagai mata wang dan wang kertas akan menjadi mata wang yang beredar secara bersendirian.
2. Hukum *Gresham* juga akan berlaku sekiranya hanya dua logam iaitu dinar emas dan dirham perak yang beredar di pasaran. Ini kerana dinar emas boleh dikategorikan sebagai '*good money*' manakala, dirham perak akan menjadi '*bad money*'. Sekiranya kedua-dua logam ini digunakan serentak sudah tentu

terdapat nisbah pertukaran rasmi sebagai unit mata wang. Sekiranya nisbah pertukaran rasmi sebagai unit wang antara kedua-dua logam ini adalah 15:1 misalnya, ini bermakna untuk mendapatkan satu auns emas sebanyak 15 auns perak diperlukan. Walau bagaimanapun, nisbah pertukaran ini boleh berubah dalam pasaran. Nisbah pertukaran dalam pasaran sering dikaitkan dengan nisbah tidak rasmi logam tersebut sebagai satu komoditi. Perubahan yang sering berlaku akan menjadi masalah utama dalam sistem dwilogam. Nisbah tidak rasmi akan bergantung kepada penawaran dan permintaan logam. Apabila penawaran salah satu daripada logam ini akan berubah maka, nisbah pertukaran tidak rasmi dalam kedua-dua logam tadi akan berubah. Jika penawaran perak bertambah, harga akan merosot dan nisbah mungkin boleh berubah misalnya kepada 16:1.

Nisbah tidak rasmi ini dapat menghasilkan keuntungan dengan menukar syiling perak kepada syiling emas berasaskan nisbah pertukaran rasmi sebagai unit mata wang iaitu 15:1. Kemudian syiling emas dilebur untuk dijadikan jongkong emas dan ditukar kepada perak di pasaran pada nisbah 16:1. Berdasarkan aktiviti ini,

keuntungan 1 auns perak diperoleh bagi setiap auns emas yang dileburkan tadi. Seterusnya, pelabur boleh menyerahkan jongkong perak tersebut kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan syiling emas 15:1. Proses ini dapat diulang berkali-kali untuk mendapatkan keuntungan. Jika kegiatan ini berlaku secara menyeluruh, ia akan menghilangkan syiling emas dalam edaran dengan segera dan hanya tinggal syiling perak sebagai mata wang. Akhirnya proses ini juga akan mengakibatkan 'bad money' (syiling perak yang nilainya merosot akibat pertambahan penawaran) akan menghilangkan 'good money' (syiling emas) daripada peredaran.

Sistem Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE) Hukum *Gresham* tidak berlaku dalam sistem sandaran kerana wang emas (dinar emas) tidak digunakan sebagai mata wang yang beredar. Hanya mata wang kertas (sebagaimana sekarang) yang beredar di pasaran sebagai mata wang. Oleh itu, tidak berlaku penggunaan dua bentuk mata wang yang berbeza secara serentak dalam sistem ekonomi.

TEORI WILAYAH MATA WANG OPTIMUM (OCA)

Krugman dan Obstfeld (2007) mendefinisikan wilayah mata wang optimum (*optimum currency area*, OCA) sebagai sebuah kumpulan negara-negara dalam suatu kawasan yang ekonominya berkait erat terutama kerana faktor perdagangan (barangan dan perkhidmatan) serta mobiliti faktor pengeluaran. Definisi ini merupakan hasil dari pemerhatian Krugman dan Obstfeld (2007) yang menyimpulkan bahawa sebuah kawasan yang menetapkan suatu nilai tukar tetap di antara negara ahli akan berjaya mewujudkan suasana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan seragam di mana negara-negara yang mempunyai ekonomi yang lebih baik secara tidak langsung akan membantu negara-negara yang mempunyai ekonomi yang kurang baik.

Analisis teori OCA juga dilakukan ke atas FDE dan SDE dan hasilnya adalah sebagaimana berikut:

Sistem Fizikal Dinar Emas (FDE) Salah satu infra pembentukan sistem FDE adalah pelaksanaan secara menyeluruh ke seluruh negara. Infra ini terbentuk bagi mengelakkan berlakunya teori Hukum *Gresham* iaitu '*Bad Money Drive Out Good Money*'. Walau bagaimanapun, infra tersebut telah mewujudkan integrasi ekonomi secara global ke seluruh negara. Justeru, dalam melaksanakan sistem FDE, teori OCA perlu dijadikan landasan teori bagi menjamin kesempurnaan pelaksanaan sistem tersebut. Teori OCA dapat menilai kesesuaian penyatuan mata wang atau *currency union* dalam kelompok atau wilayah negara tertentu dan tidak semestinya ke semua negara di dunia adalah sesuai kerana teori ini akan dinilai berdasarkan kriteria-kriteria dalam teori OCA. Kriteria-kriteria tersebut adalah; (1) persamaan kadar inflasi, (2) tahap mobiliti faktor, (3) keterbukaan dan saiz ekonomi, (4) tahap kepelbagaian komoditi, (5) fleksibiliti harga dan upah, (6) taraf barang integrasi pasaran, (7) integrasi fiskal, (8) kepelbagaian nilai tukar benar, dan (9) faktor politik (Talvas 1993). Sebagai contoh, berdasarkan kajian

Triono & Ahmad (2010) terhadap kesatuan mata wang di kalangan negara-negara Asia Barat mendapati bahawa negara Iran dan Iraq kurang sesuai untuk melaksanakan kesatuan mata wang dan sekiranya hendak dilaksanakan maka, perlu dimulakan dengan kelompok induk yang sesuai terlebih dahulu iaitu Arab Saudi, Oman, Bahrain, Syria dan Kuwait. Seterusnya diikuti oleh Iran dan Iraq. Justeru, pelaksanaan sistem FDE dilihat sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara. Teori OCA telah membuktikan bahawa tidak semua negara di dunia mempunyai kesesuaian untuk melaksanakan mata wang tunggal. Hasil analisis yang dilakukan ke atas wilayah-wilayah tertentu juga masih terdapat negara yang tidak sesuai untuk di satukan seperti Iran dan Iraq (Wilayah Asia Barat), Indonesia (Wilayah ASEAN+3), Indonesia dan Filipina (Wilayah ASEAN 5) dan Croatia (wilayah CEE) (Salmi Edawati 2011).

Sistem Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE) Tidak berlaku teori OCA dalam sistem SDE kerana menjadikan dinar emas sebagai sandaran nilai bukan sebagai mata wang beredar.

RINGKASAN ANALISIS EMPAT TEORI MONETARI

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian mendapati sistem penggunaan fizikal dinar emas (FDE) sebagai mata wang adalah tidak praktikal untuk diamalkan dalam ekonomi semasa kerana alasan-alasan berikut;

1. Teori Mata Wang: Walaupun mengikut teori ini FDE hampir memenuhi fungsi mata wang, namun ia tidak menepati beberapa ciri mata wang. Ciri-ciri yang tidak dapat dipenuhi adalah tidak diterima umum sebagai mata wang rasmi, sukar dipecahkan dalam unit yang kecil, tidak selamat (risiko rompakan) dan sukar dibawa.
2. Teori Kuantiti dan Penawaran Wang: Ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan wang kerana permintaan terhadap emas bukan hanya terhad kepada fungsinya sebagai mata wang semata-mata. Permintaan terhadap emas juga wujud kerana ia juga komoditi yang berfungsi untuk keperluan industri dan alat perhiasan. Manakala penawaran emas hanya terhad kepada rizab dan perlombongan emas sahaja.
3. Hukum Gresham: Hukum *Gresham* tetap akan berlaku dalam sistem SFE sama ada dinar emas digunakan serentak dengan wang kertas atau apabila hanya wujud mata wang logam emas dan perak (dwilogam) dalam sesebuah ekonomi.
4. Teori OCA: Kriteria-kriteria dalam teori OCA tidak memungkinkan keseluruhan negara di dunia dapat bernaung di bawah satu mata wang yang sama (penyatuan mata wang). Analisis kajian terdahulu juga membuktikan masih terdapat negara-negara yang tidak sesuai menggunakan mata wang yang

JADUAL 5. Hasil penilaian teori monetari terhadap sistem FDE dan SDE

Teori Monetari	Fizikal Dinar Emas (FDE)	Sandaran Nilai Dinar Emas (SDE)
1. Teori mata wang	Tidak memenuhi dua ciri utama; <ul style="list-style-type: none"> • Tidak diterima umum, dan • Tiada unit pecahan yang sesuai. 	Tidak memenuhi: <ul style="list-style-type: none"> • Tidak tahan (mudah koyak/lusuh/ carik/ terbakar)
2. Teori penawaran dan permintaan	Ketidakseimbangan teori penawaran dan permintaan (emas pelbagai guna-komoditi dan wang).	Ketidakseimbangan teori penawaran dan permintaan (emas pelbagai guna-komoditi dan wang)
3. Teori Hukum Gresham	Berlaku dalam dua keadaan: <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan dinar emas serentak bersama wang kertas, dan • Penggunaan dinar dan dirham serentak. 	Tidak berlaku kerana dinar emas jadi sandaran dan wang kertas sebagai mata wang beredar.
4. Teori OCA	Penyatuan mata wang tidak dapat dilakukan kepada seluruh negara kerana tidak memenuhi kriteria OCA.	Tidak terlibat dengan teori OCA

sama walaupun teori OCA diuji dalam kawasan atau wilayah yang lebih kecil.

Sementara itu, kajian mendapati sistem berasaskan sandaran dinar emas (CDE) dilihat lebih sesuai untuk dilaksanakan dalam ekonomi semasa. Namun, masih terdapat beberapa perkara yang menghalang, antaranya adalah:

1. Teori Mata Wang: Walaupun SDE memenuhi hampir keseluruhan fungsi dan ciri mata wang, tetapi masih terdapat ciri yang tidak ditepati iaitu tidak tahan lama kerana menggunakan kertas.
2. Teori Kuantiti dan Penawaran Wang: Ketidakseimbangan antara penawaran dan permintaan wang kerana permintaan terhadap emas bukan hanya sebagai mata wang tetapi sebagai komoditi (keperluan industri dan alat perhiasan). Manakala penawaran emas adalah terhad kepada simpanan dan perlombongan emas sahaja.

Justeru, berdasarkan keputusan analisis ini, penggunaan fizikal dinar emas (FDE) adalah tidak praktikal untuk dilaksanakan dalam ekonomi semasa. Manakala penggunaan sebagai sandaran nilai (SDE) adalah lebih sesuai berbanding sistem fizikal kerana kekangan terhadap teori monetari adalah lebih rendah.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan fizikal emas (FDE) sebagai mata wang adalah tidak praktikal kerana bercanggah dengan hampir kesemua empat teori monetari. Sebaliknya, penggunaan sandaran nilai emas (SDE) dilihat lebih sesuai kerana kekangan penggunaan sandaran nilai hanya terhad kepada masalah ketidakseimbangan permintaan dan penawaran emas dan tidak memenuhi satu ciri mata wang iaitu dari segi ketahanannya.

Hasil analisis yang dilakukan ke atas kedua-dua sistem FDE dan SDE masing-masing menunjukkan

beberapa kekangan dalam pelaksanaan semula sistem monetari berasaskan emas. Hasil ini dilihat menyokong analisis yang dibuat oleh Bolock (1999) terhadap pandangan dan kritikan lima ahli ekonomi dunia yang terkenal dengan latar belakang 'gold standard' iaitu Milton Friedman, Robert Mundell, Friedrich Hayek, Michale D. Bordo dan Alan Greenspan. Keempat-empat tokoh ini adalah terkemuka sebagai pakar ekonomi yang paling banyak melakukan kajian ke atas sistem piawaian emas dan keistimewaan wang komoditi. Bagaimanapun, analisis terhadap idea dan pandangan mereka menunjukkan tidak ada yang menyarankan satu mekanisme yang bersesuaian untuk menggunakan semula piawaian emas atau wang komoditi dalam ekonomi semasa. Ini menunjukkan bahawa kemungkinan dunia kembali kepada piawaian emas adalah agak sukar walaupun sejarah telah membuktikan bahawa sistem tersebut adalah yang paling stabil.

Hasil kajian Green (1999) juga menggambarkan ketidakmampuan pelaksanaan sistem berasaskan fizikal emas disebabkan masalah kekurangan rizab emas. Berdasarkan kajian tersebut, jumlah rizab emas dunia pada tahun 1800 sehingga tahun 1850 (sistem *bimetallic*) hanya sebanyak 1,200 tan metrik. Manakala pada tahun 1851 sehingga tahun 1900 (sistem piawaian emas tetap) jumlah tersebut meningkat kepada 10,400 tan metrik. Kajian ini diperkuatkan lagi dengan data rizab emas yang dikeluarkan oleh World Gold Council (Gold Council 2010) yang berjumlah sebanyak 29,726.6 tan metrik emas pada tahun 2008. Isu kecukupan rizab emas dengan keperluan mata wang beredar hari ini adalah satu permasalahan yang perlu dikaji secara empirikal. Namun, jika dihitung secara kasar dengan jumlah emas yang ada pada hari ini adalah jelas tidak mencukupi bagi menampung keperluan perdagangan dan jumlah mata wang beredar (Hayek 1976). Pandangan ini adalah relevan dengan hasil kajian ini yang tidak mengizinkan pelaksanaan sistem berasaskan emas fizikal (FDE). Ini kerana untuk merealisasikan pelaksanaan FDE perlu dipastikan bahawa simpanan emas adalah mencukupi untuk menampung keperluan seluruh perdagangan dunia.

Ketidacukupan bekalan emas akan memberi kesan kepada penawaran dan permintaan mata wang (emas). Masalah ini diutarakan dalam kajian Harrisson (2010) dan Corty dan Holliday (2010) yang menjelaskan bahawa permintaan kepada emas adalah lebih besar berbanding penawaran kerana emas diperlukan dan digunakan dalam pelbagai bentuk. Antaranya untuk penggunaan bidang perindustrian, barang kemas, barangan perhiasan, cenderamata dan sebagai aset dalam pelaburan dan simpanan. Emas juga telah digunakan dalam rawatan pergigian dan dalam pendawaian elektrik (*electroplating*). Manakala yang terkini emas telah digunakan dalam pemangkinan (*catalysis*), nanoteknologi dan bioteknologi.

Selain itu, teori Hukum Gresham yang mengemukakan hujah '*good money drive out bad money*' perlu diberi perhatian dalam usaha membangunkan sistem mata wang berasaskan emas. Ini kerana mata wang sedia ada iaitu wang kertas jelas tidak mempunyai nilai intrinsik manakala mata wang emas yang dicadangkan pula jelas mempunyai nilai intrinsik. Justeru, apabila berlaku pertembungan antara penggunaan dua mata wang yang amat berbeza dari segi nilai intrinsik ini, kemungkinan besar akan berlaku fenomena yang dijelaskan dalam teori '*good money drive out bad money*'. Hasil kajian Selgin (1996) menunjukkan bahawa masalah kegagalan penggunaan mata wang berintrinsik tinggi akan timbul apabila wang dalam edaran mengandungi kedua-dua *good money* dan *bad money*, yang mana *bad money* akan mengusir keluar *good money*. Hal ini terjadi kerana *bad money* yang terdiri daripada *bad coin* mengandungi kurang bulion daripada syiling lain yang memegang dinominasi yang sama. Konsisten dengan Hukum Gresham ini, kajian menyarankan bahawa mata wang fizikal emas tidak boleh dilaksanakan selagi wang kertas tidak dihapuskan dalam pasaran. Hal ini adalah sama sekali mustahil kerana wang kertas sebagai mata wang tunggal dunia telah mendominasi dunia lebih 40 tahun. Kajian Marquard (1994) juga menunjukkan perkara yang sama apabila didapati peredaran dua jenis mata wang serentak akan menyaksikan salah satu mata wang diterima sebagai alat perantara dan salah satunya pula disimpan atau disorok. Mata wang yang disorok atau disimpan biasanya adalah mata wang yang mempunyai simpanan nilai yang baik.

Di samping itu, terdapat beberapa kajian lepas yang menjurus kepada teori OCA dan secara tidak langsung telah menyokong hasil kajian ini. Pelaksanaan mata wang tunggal (fizikal emas) tidak praktikal untuk dilaksanakan kerana tiada wilayah atau kawasan yang memenuhi kesemua kriteria OCA yang digariskan. Antaranya adalah kajian yang dilakukan oleh Achsani dan Partisiwi (2010) ke atas penggabungan mata wang bagi wilayah ASEAN+3. Hasil kajian ini mendapati bahawa proses integrasi harus bermula dengan dolar Singapura dan ringgit Malaysia, kemudian diikuti oleh yen Jepun, renmimbi China, won Korea, baht Thailand dan peso Filipina. Kajian ini juga mendapati bahawa rupiah Indonesia adalah

berbeza dengan mata wang lain di wilayah tersebut dan menyimpulkan bahawa Indonesia mungkin satu-satunya negara yang tidak sesuai untuk ASEAN+3. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa dolar Singapura adalah mata wang yang paling stabil di rantau ini.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Falianty (2004) terhadap negara ASEAN 5 iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina pula mendapati bahawa Singapura, Malaysia, dan Thailand memenuhi kriteria OCA untuk pelaksanaan mata wang yang sama. Walau bagaimanapun, Indonesia dan Filipina pula tidak sesuai. Manakala Sideris (2011) membuat analisis terhadap potensi OCA ke atas enam negara anggota yang baru (New Member State) bagi EU iaitu Bulgaria, Czech Republic, Hungary, Poland, Romania dan Slovakia dengan negara-negara di wilayah Eropah (Eurozone). Kajian tersebut mendapati bahawa Croatia masih belum bersedia (terlalu jauh jurang kriteria OCA dengan negara-negara lain) untuk menyertai dasar monetari EMU. Sementara itu, negara-negara Eropah Timur Tengah (*Central Eastern Europe*) yang lain seperti Slovenia dan Latvia mempunyai hubungan yang paling sesuai dalam kitaran perdagangan mereka dengan negara-negara lain dalam EMU. Kesemua kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan fizikal mata wang adalah tidak praktikal memandangkan negara-negara di dunia masing-masing mempunyai dasar ekonomi dan monetari yang berbeza serta kekuatan ekonomi yang tidak sama antara satu sama lain. Justeru, hasil kajian ini secara tidak langsung telah menjawab beberapa persoalan berkaitan dengan kegagalan pelaksanaan dinar emas di Malaysia walaupun cadangan penggunaannya telah dicetuskan hampir 10 tahun yang lalu.

KESIMPULAN

Hasil analisis mendapati bahawa agenda menggunakan dinar emas sebagai mata wang fizikal (FDE) tidak akan bertahan lama kerana ia bercanggahan dengan teori monetari sama ada teori mata wang, teori Hukum Gresham, teori permintaan dan penawaran mahupun teori OCA. Secara tidak langsung, hasil analisis ini menjadi jawapan ketidakmampuan pelaksanaan dinar emas sebelum ini, walaupun kajian lepas telah mengenal pasti beberapa mekanisme penggunaan dinar emas sebagai mata wang yang telah dibentuk dan dicadangkan.

Hasil analisis terhadap sistem SDE bagaimanapun menunjukkan bahawa mekanisme penggunaan sandaran nilai adalah lebih sesuai untuk dilaksanakan dalam ekonomi semasa. Walaupun analisis mendapati sistem ini juga mempunyai beberapa kelemahan, namun kelemahan dan kekangan tersebut adalah rendah dan masih boleh diatasi. Antara kekangan dalam teori monetari adalah masalah ketidakseimbangan penawaran dan permintaan wang dan juga ketidaktahanan mata wang kertas. Justeru, kajian ini mendapati prospek mekanisme penggunaan dinar emas sebagai sandaran (SDE) adalah lebih cerah

dan sesuai untuk dilaksanakan dalam ekonomi semasa berbanding dengan sistem berasaskan fizikal dinar emas (FDE).

Walaupun kajian ini menyimpulkan bahawa dinar emas tidak sesuai untuk digunakan sebagai mata wang dalam ekonomi semasa, ini tidak bermakna dinar emas bukan instrumen penting dalam sistem mata wang. Keistimewaan dinar emas sebagai penyimpan nilai yang baik, stabil dan diterima secara global adalah keistimewaan yang tiada pada komoditi lain mahupun wang kertas. Walau dalam apa keadaan pun, dinar emas sentiasa akan menjamin nilai kekayaan sesuatu harta sepertimana yang dibuktikan dalam sejarah mata wang yang lepas. Nas-nas dalam al-Quran, hadis-hadis nabi serta pandangan para ulama Islam membenarkan perkara ini. Emas adalah harta kekayaan dan simpanan nilai yang terbaik.

RUJUKAN

- Achsani, N. A. & Pertiwi, T. 2010. Testing the feasibility of ASEAN+3 single currency comparing optimum currency area and clustering approach. *International Research Journal of Finance and Economics* 37: 79-84.
- Ahmad, S. 2009. Dinar emas: Pilihan penuh dilema. Seminar Antarabangsa Penjanaan Ekonomi Melalui Transaksi Wang Dinar 2009: Dinar Alternatif Masa Kini dan Hadapan, hlm. 53-66.
- Alias, M. M. 2010. Dinar dan dirham: Penggunaan terkini 2010. Kertas Kerja Mini Siri Dinar Emas 2010: Kebangkitan Dinar Emas dalam Muamalah Ummah. Anjuran Persatuan Ulama Malaysia dan al-Qafilah International, Kuala Lumpur, 22 Disember.
- al-Maqrizi, T. A. 1957. *Al-Ighathah al-ummah bi kashfi al-ghummah*. Kaherah: Matba'ah Li al-Jannah.
- Anon. 2002a. Malaysia guna dinar emas dengan tiga negara Asia Barat. *Utusan Malaysia*. 2 Mei: 24.
- Anon. 2002b. Dr. M tunggu OIC kerana penggunaan dinar emas. *Utusan Malaysia*. 29 Jun: 12.
- Bolock, W. 1999. The gold standard: A critique of Friedman, Hayek, Mundell and Greenspan from the free enterprise perspective. *Managerial Finance* 25(5): 15-33.
- Corti, C. & Holliday, R. 2010. *Gold: Science and Applications*. Amerika Syarikat: CRC Press.
- Dahinden, Z. 2008. Interview with E-Dinar's CEO Dr. Zeno Dahinden: Analysis of the world finance sistem. *DGC Magazine*, November: 1-2.
- Falianty, T. A. 2004. Feasibility of forming currency union. Working Paper for Research Laboratory of Economics. University of Indonesia: Indonesia.
- Gold Council. 2010. About gold. Available at <http://www.goldcouncil.com>
- Green, T. S. 1999. Central bank gold reserve: An historical perspective since 1845. *World Gold Council November*.
- Harrisson, B. 2010. Book review. *Gold Bulletin* 43(2): 131.
- Hayek, A. F. 1976. *Choice in Currency: A Way to Stop Inflation*. London: The Institute of Economic Affairs.
- Hosein, I. N. 2008. *Dinar Emas dan Dirham Perak: Islam dan Masa Depan Wang*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Hussain, M. N. & Abd Rahman, I. 2004. Mata wang dinar emas sebagai persediaan globalisasi. *Globalisasi dalam Perspektif: Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur.
- Hussain, M. N. & Abu Bakar, A. 2004. Potensi dinar emas sebagai mata wang utama dunia: Teori dan praktis. Prosiding Seminar Kebangsaan Perbankan dan Kewangan Islam 2004.
- Hussain, M. N. 2009. Sistem pertukaran mata wang di Malaysia: Kajian dari perspektif Islam, Tesis Dr Fal, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ismail, Z. 2003. *Kembalinya Dinar Emas dan Dirham Perak*. Johor: UTM Skudai
- Krugman, K. & Obstacle, D. 2007. *An East Asian Currency Union? The Empirical Nature of Macroeconomic Shocks in East Asia*. Sydney: Department of Economics, the University of Sydney.
- Marquard, S. 1994. *The Distortion Theory of Macroeconomic Forecasting: A Guide for Economists and Investors*. Westport, CT: Quorum Books.
- Mohamad, N. M. 2009. *Between Islamic Banking and the Gold Dinar - A Compilation of Papers and Articles*. Kuala Lumpur: Saba Islamic Media Sdn Bhd.
- Mohammad, M. 2000. *Krisis Mata Wang Malaysia: Bagaimana dan Mengapa Ia Berlaku?*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Mohd Dali, N. R. S., Abdul Hamid, H. & al-Razi, B. 2004. *The Mechanisme of Gold Dinar*. Kuala Lumpur: A.S Noorden.
- Mohd Yusuf, A. B., Mohd Dali, N. R. S. & Mat Husin, N. 2002. The implementation of gold dinar. is it the end of speculative measures? *Journal of Economic Cooperation, Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* 23(3): 19 hlm. Diakses dari <http://www.kantakji.com/fiqh/files/markets/c87.pdf>
- Mydin Meera, A. K. 2002. *The Islamic Gold Dinar*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Mydin Meera, A. K. 2003. *The Theft of Nation: Returning to Gold*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications.
- Osman, Z., Ahmad, J. & Kechot, M.Z. 1992. *Ekonomi Kewangan: Teori dan Dasar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Saidi, Z. 2005. *Kembali ke Dinar: Tinggalkan Riba Tegakkan Muamalah*. Jakarta: Pustaka Adina
- Selgin, G. 1996. Salvaging Gresham's Law: The good, the bad, and the illegal. *Journal of Money, Credit & Banking* 28(4): 637-650.
- Sideris, D. 2011. Optimum currency areas, structural changes and the endogeneity of the OCA criteria: evidence from six new EU member states. *Applied Financial Economics* 21(4): 195-206.
- Talvas, G. S. 1993. The new theory of Optimum Currency Areas. *The World Economy* 6: 16-29
- Triono, D. C. & Ahmad, S. 2010. Penyatuan mata wang di kalangan negara Islam Asia Barat dan peranannya ke arah kesatuan umat Islam sedunia. Proceedings of IKRAB International Seminar on Malaysia-West Asian Civilization and Culture, hlm. 147-164.
- Vadillo, U. I. 2002. *The Return of the Islamic Gold Dinar*. South Africa: Madinah Press.
- Yaacob, S. E., 2011. Dinar emas dan mekanisme pelaksanaannya dalam ekonomi semasa, *Tesis Doktor Falsafah*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Yaacob, S. E., Ahmad, S. & Wan Zabaria, W. N. 2012. Rationale to return to gold-based monetary system: analysis based on gold price and inflation. *Archives Des Sciences Journal* 35(3): 120-138
- Yaacob, S. E., Ahmad, S., Mujani, W. K., Shapiee, R. & Muji Tahir, H. 2012. History and chronology of changes of the world monetary system. *International Business and Management* 6(2): 150-157.
- Yakcop, N. M. 2002. The role of central banks in the implementation of the gold dinar proposal. Kertas kerja Seminar Antarabangsa: Gold Dinar In Multilateral Trade di Institut Kefahaman Islam Malaysia IKIM, Kuala Lumpur: 20 hlm.

Salmy Edawati Yaacob (Pengarang koresponden)
Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia
E-mel: salmy1001@yahoo.com

Sanep Ahmad
Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
E-mel: nep@ukm.my